

SEKSYEN

Sinar TEKNOLOGI 2018 ONLINE

Nasional Politik Edisi Semasa Bisnes Video Global Hiburan Sukan Sisipan Pilihan Raya Kecil

TERKINI

Maut terperosok bawah lori Zainuddin Maidin dimasukkan ke wad ICU Gas bersubsidi bernilai RM260,000 dirampas 'Sebulan tiga kali dah banjir' Malaysia perlu lebih 'raku' tuntut kerugian 1MDB

CIO sektor awam perlu jadi ahli strategi

13 NOVEMBER 2018



Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ismail Bakar menyampaikan ucapan perasmian Persidangan dan Pameran Ketua Pegawai Maklumat (CIO) Sektor Awam (CIO Convex) 2018 (PSCC 2018) di Pusat Konvensyen Tabung Haji, Kompleks Tabung Haji hari ini. - Foto Bernama

SEPANG - Ketua Pegawai Maklumat (CIO) di sektor awam perlu bertindak sebagai ahli strategi dalam kementerian masing-masing untuk menyokong sebarang perubahan yang akan memberi kesan kepada fungsi teras setiap kementerian, kata Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ismail Bakar.

Beliau berkata CIO juga perlu mencadangkan inisiatif yang berinovasi untuk berkembang maju dalam berhadapan cabaran.

"CIO perlu memainkan peranan sebagai ejen perubahan digital untuk membentuk budaya digital dan pemikiran pekerja dalam organisasi masing-masing," katanya ketika melancarkan 'Public Sector CIO Convex 2018' di Pusat Konvensyen Tabung Haji di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini.

Ismail berkata ketangkasannya adalah cara untuk menghadapi cabaran mendatang dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) akan membantu memberi laluan kepada Malaysia untuk mendukung pendigitalan.

Beliau berkata bahawa Malaysia akan mempelajari perjalanan digital negara Estonia dan Korea Selatan.

Beliau berkata Estonia telah melalui pendigitalan dan diakui sebagai masyarakat digital paling maju di dunia manakala Korea Selatan menduduki tempat ketiga dalam Indeks Pembangunan E-Kerajaan 2018 dan Indeks E-Penyertaan.

"Malaysia mesti mencontohi amalan terbaik mereka tetapi perlu menyuaikan pendekatan kita berdasarkan keperluan, budaya dan kriteria," kata Ismail.

Konvensyen dan pameran selama dua hari itu yang bermula hari ini dihadiri oleh 850 peserta termasuk ketua-ketua setiausaha, pengarah, CIO pelbagai agensi dan badan berkanan.

Konvensyen itu akan menyaksikan pembentangan 43 kertas kerja, 10 daripadanya adalah daripada penyampai luar iaitu Amerika Syarikat, Estonia, Belanda, Hong Kong, India, Finland dan New Zealand.

Tumpuan konvensyen tu adalah kecerdasan buatan, keselamatan siber, analisis data, teknologi blockchain dan perisian sumber terbuka. - Bernama

TOP 5 | VIDEO PALING HANGAT

- 1 Buaya muncul petanda bah besar?
- 2 'Kerajaan PH terpaksa mengaku kesilapan mereka'
- 3 Suspek mandikan mangsa pada hari kejadian
- 4 Tunku Tun Aminah melawat Zaibo
- 5 'Masa tidak sesuai untuk Zahid terus pimpin Umno'

DAPATKAN BERITA SINAR HARIAN SETIAP HARI DI EMAIL ANDA.

Nama

Email

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi Karangkraf di: <http://www.karangkraf.com/pdtk>

Langgan!

Kerjasama Pas-Umno mampu mengugat kemenangan Anwar Ibrahim di PRK Port Dickson?

- Setuju
 Tak Setuju

Lihat Keputusan